



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**SEMAKAN SEMULA KADAR CUKAI JUALAN DAN PELUASAN SKOP CUKAI
PERKHIDMATAN SECARA BERSASAR BERKUAT KUASA 1 JULAI 2025**

Seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024, Kerajaan MADANI akan melaksanakan semakan kadar Cukai Jualan (CJ) dan peluasan skop Cukai Perkhidmatan (CP) mulai 1 Julai 2025. Langkah ini bertujuan mengukuhkan kedudukan fiskal negara dengan meningkatkan hasil dan meluaskan asas percukaian bagi menambah baik mutu jaringan keselamatan sosial tanpa membebankan rakyat terbanyak.

Semakan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) telah melalui proses libat urus bersama pihak berkepentingan, khususnya persatuan industri dan ejen percukaian. Penyediaan perundangan turut mengambil kira maklum balas serta input industri bagi memastikan majoriti rakyat tidak terjejas dan kesan terhadap pihak industri dapat diminimumkan.

“Kerajaan komited untuk meneruskan pembaharuan di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Bagi memastikan rakyat terbanyak tidak terkesan daripada semakan semula SST, Kerajaan MADANI mengambil pendekatan yang bersasar untuk memastikan barangan dan perkhidmatan asas tidak dikenakan cukai. Selain itu, pelbagai kemudahan turut disediakan bagi mengurangkan kesan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS),” kata YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II.

“Melengkapi usaha Kerajaan MADANI untuk merancakkan ekonomi dan memperkukuh jaringan keselamatan sosial, hasil tambahan daripada penambahbaikan SST ini akan membolehkan penambahbaikan lanjut dalam perkhidmatan awam khususnya peningkatan jumlah bantuan tunai kepada rakyat, serta memperkukuh prasarana asas dan penyampaian perkhidmatan awam. Tambahan hasil ini dapat dimanfaatkan seluruh negara tanpa menambah beban kepada majoriti rakyat,” tambah beliau.

Secara amnya, semakan kadar CJ dan peluasan skop CP merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Kadar CJ kekal tidak dinaikkan ke atas barangan keperluan asas yang digunakan oleh rakyat;
- ii. Kadar CJ sebanyak 5% atau 10% dikenakan ke atas barangan pilihan dan bukan keperluan asas; dan
- iii. Skop kenaan CP diperluas kepada perkhidmatan baharu seperti sewaan atau pajakan, pembinaan, kewangan, jagaan kesihatan swasta, pendidikan dan kecantikan. Peluasan ini disertakan dengan pengecualian terpilih untuk mengelakkan cukai berganda, serta memastikan perkhidmatan keperluan tertentu untuk warganegara Malaysia tidak dikenakan cukai.

Kerajaan MADANI juga mengambil kira keperluan bagi pematuhan perundangan kepada syarikat yang akan tertakluk kepada SST. Sehubungan itu, bagi syarikat yang mengambil tindakan untuk mematuhi syarat perundangan SST yang ditetapkan, tiada tindakan pendakwaan dan penalti akan dikenakan sehingga 31 Disember 2025.

Sila rujuk Lampiran untuk maklumat perincian. Hebahan umum, perundangan subsidiari, ketetapan umum, garis panduan dan soalan lazim (FAQ) juga akan dibuat melalui siaran media rasmi Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

9 Jun 2025

Lampiran

1. Cukai Jualan

- i. Di bawah semakan kadar Cukai Jualan (CJ), **barangan keperluan asas harian berkadar CJ 0%** yang dikekalkan adalah seperti ayam, lembu, kambing, ikan, udang, sotong, sayuran, buah-buahan tempatan, beras, barli, oat, gandum, tepung, sardin tin, gula, garam, roti putih, pasta, bihun, mi, mi segera, susu, minyak masak, ubat, peranti perubatan, buku, jurnal, surat khabar dan makanan peliharaan. CJ 0% juga dikekalkan bagi bahan asas pembinaan seperti simen, batu dan pasir serta input sektor pertanian seperti baja, racun, jentera pertanian dan penternakan.
- ii. Kerajaan MADANI mengambil langkah untuk **tidak mengenakan CJ ke atas barangan keperluan asas harian supaya tidak memberi kesan secara langsung kepada kos sara hidup majoriti rakyat** dan kadar inflasi kekal terkawal.
- iii. Semakan semula CJ melibatkan **barangan pilihan tertentu telah dinaikkan dari kadar CJ 0% ke CJ 5%** seperti *king crab*, salmon, kod, cendawan truffle, buah-buahan import, *essential oil*, kain sutera dan jentera industri.
- iv. Beberapa barangan pilihan premium telah dinaikkan kepada CJ 10% seperti basikal lumba dan lukisan tangan antik.

2. Cukai Perkhidmatan

Di bawah peluasan skop cukai perkhidmatan (CP), skop CP sedia ada akan diperluaskan meliputi enam jenis perkhidmatan iaitu sewaan atau pajakan, kerja pembinaan, kewangan, jagaan kesihatan swasta, pendidikan dan kecantikan.

- i. **Perkhidmatan sewaan atau pajakan** – CP akan dikenakan pada kadar 8% bagi syarikat penyedia perkhidmatan yang mencapai nilai ambang iaitu RM500,000 jumlah pendapatan sewaan atau pajakan. Kerajaan MADANI menyediakan kemudahan pengecualian CP seperti berikut:

- a) perkhidmatan sewaan atau pajakan ke atas bangunan kediaman, bahan bacaan, pajakan kewangan dan aset ketara di luar Malaysia;
- b) penyewa yang merupakan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan jualan tahunan kurang RM500,000;
- c) *business-to-business* (B2B) dan pelepasan kumpulan (*group relief*) bagi mengelakkan kesan cukai berganda; dan
- d) *non-reviewable contract* diberikan pengecualian 12 bulan daripada tarikh kuat kuasa.

ii. **Perkhidmatan kerja pembinaan** – CP akan dikenakan pada kadar 6% bagi syarikat penyedia perkhidmatan yang mencapai nilai ambang iaitu RM1.5 juta. Kerajaan MADANI menyediakan layanan khas seperti berikut:

- a) Nilai ambang yang lebih tinggi pada RM1.5 juta bagi meringankan beban pematuhan cukai kontraktor kecil dan sederhana;
- b) CP tidak dikenakan ke atas bangunan kediaman dan kemudahan awam berkaitan rumah kediaman;
- c) Pengecualian *business-to-business* (B2B) bagi mengelakkan kesan cukai berganda; dan
- d) *non-reviewable contract* diberikan pengecualian 12 bulan daripada tarikh kuat kuasa.

iii. **Perkhidmatan kewangan** – CP akan dikenakan pada kadar 8% ke atas perkhidmatan kewangan berasaskan fi atau komisyen. Kerajaan MADANI menyediakan layanan khas seperti berikut:

- a) Perkhidmatan kewangan asas untuk rakyat kekal tidak dikenakan CP termasuk perbankan asas serta bayaran berasaskan faedah atau untung dalam prinsip pembiayaan syariah;
- b) Perkhidmatan kewangan lain yang tidak dikenakan CP adalah keuntungan pertukaran mata wang asing dan pasaran modal, caj atau bayaran yang bersifat punitif, urus niaga kiriman wang keluar Malaysia, fasiliti kewangan yang berhubung secara langsung dengan barang yang dieksport, caj kepada ejen kiriman wang di luar Malaysia

atas urus niaga kiriman wang ke dalam Malaysia dan perkhidmatan pembrokeran atau penajajaminan berkaitan insurans/takaful nyawa, perubatan dan takaful keluarga bagi individu; dan

- c) Pengecualian business-to-business (B2B) bagi mengelakkan kesan cukai berganda, fi yang dijalankan secara patuh syariah serta penyedia perkhidmatan untuk Bursa Malaysia dan Labuan.

iv. **Perkhidmatan jagaan kesihatan swasta** – CP akan dikenakan pada kadar 6% ke atas perkhidmatan jagaan kesihatan swasta, amalan tradisional dan komplementari dan kesihatan bersekutu kepada bukan warganegara bagi penyedia perkhidmatan yang mencapai nilai ambang iaitu RM1.5 juta. Kerajaan MADANI menyediakan layanan khas seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia dikecualikan daripada membayar CP bagi perkhidmatan jagaan kesihatan awam dan swasta serta amalan tradisional dan komplementari meliputi Perubatan Tradisional Melayu, Perubatan Tradisional Cina, Perubatan Tradisional India, Perubatan Islam, Homeopati, Kiropraktik, dan Osteopati;
- b) Kerajaan MADANI prihatin terhadap kebimbangan dan keresahan rakyat mengenai CP yang dikenakan ke atas perkhidmatan kesihatan bersekutu antaranya rawatan fisioterapi, audiologi dan terapi pertuturan. Sehubungan itu, sebagai bantuan tambahan bagi mengurangkan kos dan meningkatkan akses rakyat kepada perkhidmatan kesihatan secara menyeluruh, warganegara Malaysia turut dikecualikan daripada membayar CP bagi perkhidmatan kesihatan bersekutu;
- c) Kadar CP bagi bukan warganegara dikenakan pada kadar lebih rendah iaitu 6%; dan
- d) Nilai ambang yang lebih tinggi pada RM1.5 juta bagi meringankan beban pematuhan cukai bagi penyedia perkhidmatan seperti klinik yang kecil dan sederhana.

v. **Perkhidmatan pendidikan** – CP akan dikenakan pada kadar 6% seperti berikut:

- a) Pendidikan prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah swasta dengan yuran pengajian melebihi RM60,000 setahun bagi seorang pelajar;
- b) Kerajaan MADANI berpandangan pengenaan CP ke atas pendidikan swasta yang bernilai tinggi adalah lebih bersasar kepada golongan yang lebih berkemampuan di mana bilangan sekolah yang terkesan adalah minimum. Sebagai tambahan, Kerajaan Madani memberi pertimbangan khas untuk tidak mengenakan CP kepada orang kurang upaya (OKU) warganegara Malaysia; dan
- c) Pengajian tinggi di mana CP dikenakan ke atas yuran pengajian kepada pelajar bukan warganegara. Namun, Kerajaan Madani prihatin dengan keperluan pendidikan tinggi kepada rakyat Malaysia, maka Kerajaan tidak akan mengenakan CP ke atas pendidikan tinggi terhadap warganegara Malaysia.

vi. **Perkhidmatan kecantikan** – CP akan dikenakan pada kadar 8% ke atas nilai perkhidmatan bercukai mencapai RM500,000 dalam tempoh 12 bulan. Contoh perkhidmatan termasuk rawatan muka dan dandanan rambut.

Bagi peluasan skop cukai perkhidmatan, pemakluman dan pewartaan perundangan terlibat akan memberi ruang kepada pihak industri untuk menyemak sama ada:

- i. Operasi perniagaan tertakluk kepada cukai perkhidmatan atau tidak;
- ii. Nilai perkhidmatan syarikat melebihi nilai ambang (threshold) dalam tempoh 12 bulan yang ditetapkan; dan
- iii. Mendapatkan khidmat nasihat Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi tujuan pendaftaran, penyelarasan ke atas model perniagaan, pelaksanaan latihan dan penyediaan dokumentasi.